

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERTANDINGAN
“MANA LAGI? MELAKA LER... TIKTOK CHALLENGE”**

1. Kategori Peserta adalah seperti berikut :
 - i. Terbuka kepada Warganegara dan Antarabangsa
 - ii. Belia berumur 15 - 25 tahun

2. Pastikan video peserta disertakan dengan tanda pagar (#) berikut :
 - i. **#TiktokChallengeMelaka**

3. Tempoh pertandingan bermula pada 1 November 2024 hingga 30 Jun 2025.

4. Kandungan video :
 - i. Kandungan video TikTok yang menonjolkan dari segi mana-mana aspek pelancongan Melaka (Sejarah, Budaya, Rekreasi, Sukan, Beli Belah, Konvensyen, Kesihatan, Pendidikan, Agro, Makanan, Melaka My 2nd Home (MM2H), Pelancongan Eko, Pelancongan Agama dan Belia).
 - ii. Durasi video antara 30 hingga 90 saat
 - iii. Kandungan hendaklah hasil karya asli dari peserta.
 - iv. Menggunakan Bahasa Melayu, Inggeris, Cina atau Tamil : Bahasa Cina dan Tamil hendaklah disertakan dengan sarikata dalam Bahasa Melayu @ Inggeris)

- v. **Kandungan video mestilah tidak menyentuh sensitiviti agama, politik, perkauman dan bebas dari unsur lucah dan keganasan).**
5. **Penghantaran video adalah seperti berikut :**
- i. **Muat naik di akaun TikTok peserta dan syarat seperti di terma 1 dan 3.**
 - ii. **Pastikan profil TikTok pada tetapan umum (*Public*) bagi sepanjang tempoh pertandingan.**
 - iii. **Mendaftar di pautan seperti berikut**
6. **E - Sijil hanya akan diberikan kepada peserta yang memenuhi syarat pertandingan**
7. **Had penyertaan adalah seperti berikut :**
- i. **Peserta boleh menghantar seberapa banyak video namun hanya layak untuk satu hadiah sahaja. Selain itu, setiap video akan dinilai secara berasingan.**
 - ii. **Dengan menyertai pertandingan ini, peserta memberi hak kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk menggunakan, menghasilkan semula dan mempromosikan video yang dihantar untuk tujuan pemasaran dan promosi tanpa pampasan tambahan.**
 - iii. **Kerajaan Negeri Melaka berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang gagal mematuhi peraturan pertandingan.**

8. Penjurian adalah berdasarkan kreativiti dan keaslian, kualiti visual dan penyuntingan, penceritaan yang berkaitan dengan Melaka dan Penglibatan (suka, kongsi dan komen di TikTok).

9. Penafian adalah seperti berikut :

i. Kerajaan Negeri Melaka tidak bertanggungjawab terhadap sebarang masalah teknikal atau masalah berkaitan *platform* yang mungkin menjejaskan penghantaran video atau tontonan.

ii. Penganjur berhak untuk mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan sebelumnya.